

06 OCT 1996

Umno-Pengundian

TIGA KAD MESTI DIPAMERKAN SEBELUM DIBENARKAN MENGUNDI

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Ibu pejabat UMNO hari ini mengingatkan anggota perwakilan ke perhimpunan agung parti Khamis ini supaya mempamerkan tiga kad sebelum dibenarkan mengundi pada pemilihan parti kali ini.

Setiausaha Agungnya Datuk Mohamed Rahmat berkata anggota perwakilan mestilah mengisi kad kehadiran, kad mengundi dan menunjukkan kad pengenalan sebelum dipanggil dan diberi kertas undi.

"Langkah-langkah ini adalah untuk memastikan wakil yang sah sahaja layak mengundi," katanya pada taklimat khas media sempena perhimpunan agung parti yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Begitu juga syarat bagi para perwakilan pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita yang juga akan membuat pemilihan pada persidangan kedua-dua pergerakan itu Rabu ini, katanya.

Beliau berkata bagi pemilihan parti, proses pengundian akan berjalan selepas amanat Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semasa merasmikan perhimpunan agung parti.

Mohamed berkata pengundian akan bermula pada 11 pagi dengan mengikut bahagian yang ditentukan secara cabutan undi yang telah pun dibuat. Keseluruhan proses pengundian dijangka selesai dalam masa dua jam. Sebanyak 180 buah ruang mengundi disediakan.

Mohamed berkata pengiraan undi dijangka selesai pada pukul 3 petang dan pengumuman keputusan pemilihan itu terpulang kepada budi bicara pengerusi tetap.

Sebanyak 300 orang petugas telah dilatih untuk membantu urusan pemilihan.

Hanya seorang wakil dari setiap UMNO Perhubungan Negeri dibenarkan berada untuk menyaksi pengiraan undi, katanya.

Mengenai nombor-nombor calon dalam kertas undi, beliau berkata perkara itu hanya akan dimaklumkan kepada calon sehari sebelum hari pengundian.

"Ini juga untuk mengelak calon dan wakil-wakil mereka berkempen dan mencetak kad untuk dihubungi dengan nombor kedudukan dalam kertas undi," tegasnya.

Sebanyak 73 orang akan bertanding untuk jawatan dalam Majlis Tertinggi termasuk tiga jawatan Naib Presiden dan 61 daripadanya akan merebut 25 jawatan anggota Majlis Tertinggi.

Bagi pergerakan Pemuda pula 74 orang bertanding termasuk lima orang untuk jawatan Ketua Pemuda, lima bagi Naib Ketua dan 62 orang daripadanya merebut 15 jawatan Exco. Pergerakan Wanita pula menyaksikan 38 orang calon termasuk dua bagi jawatan Ketua Wanita, tiga Naib Ketua dan 30 anggota jawatankuasa. -- BERNAMA

SJA OBA